

**PELAN TINDAKAN
HAK ASASI MANUSIA
KEBANGSAAN**

2018

**NATIONAL HUMAN
RIGHTS ACTION PLAN**

nhrap
MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Sekapur Sirih YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia	3
2.	Sekapur Sirih YB Dato' Sri Azalina Othman Said Menteri di Jabatan Perdana Menteri	4
3.	Ringkasan Eksekutif	5
4.	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan)	51
5.	Teras 1 : Hak Sivil Dan Politik	52
6.	Teras 2 : Hak Ekonomi Sosial dan Kebudayaan	69
7.	Teras 3 : Hak Golongan Rentan	93
8.	Teras 4 : Hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah Dan <i>Natives Of Sarawak</i>	121
9.	Teras 5 : Kewajipan Antarabangsa	134

Sekapur Sirih
YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Sehati Sejiwa, Salam 1 Malaysia dan Salam Negaraku

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua Malaysia telah berhasil membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan-NHRAP*) buat pertama kalinya selaras dengan komitmen Negara di peringkat antarabangsa.

Saya amat berbangga dengan pencapaian ini memandangkan NHRAP yang dibangunkan merupakan suatu pelan yang komprehensif mencakupi setiap isu hak asasi manusia di negara ini. Denyut nadi serta suara rakyat di pelbagai peringkat menjadi asas utama dalam pembangunan NHRAP ini sesuai dengan matlamat dan objektifnya yang mengambil kira kepelbagaian kaum, budaya, agama dan keunikan negara yang tersendiri.

Skop hak asasi manusia adalah luas dan aplikasinya dapat dilihat melalui dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada berkaitan pembangunan ekonomi mahupun sosial. Oleh itu, kejayaan pembangunan Pelan ini telah membuktikan kepada rakyat dan dunia akan kesungguhan Malaysia dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini melalui aspirasinya yang tersendiri.

Harapan saya agar NHRAP ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin terutama dalam kalangan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana terhadap tindakan-tindakan yang digariskan dalam NHRAP. Tindakan-tindakan yang digariskan dalam NHRAP ini adalah sesuai dengan aspirasi Kerajaan yang mengutamakan rakyat di semua peringkat melalui penyampaian perkhidmatan yang boleh membawa kejayaan dan keberhasilan yang mengagumkan kepada negara kita.

DATO' SRI MOHD NAJIB

Sekapur Sirih
YB Dato' Sri Azalina Othman Said
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Sehati Sejiwa, Salam 1 Malaysia dan Salam
Negaraku

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah, kurnia dan hidayah-Nya, buat julung-julung kalinya kita telah berjaya membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*National Human Rights Action Plan-NHRAP*).

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) kerana telah berjaya melaksanakan amanah sebagai agensi peneraju dalam pembangunan NHRAP sepanjang tempoh 2012 hingga 2017. Kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian/Agensi, pasukan perunding, pakar-pakar rujuk yang dilantik, dan pihak berkepentingan yang lain di peringkat domestik mahupun antarabangsa yang telah bertungkus lumus dalam membangunkan Pelan Tindakan ini.

Penghargaan khusus saya tujukan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang telah memulakan inisiatif pembangunan NHRAP di peringkat antarabangsa dan memberikan sepenuh komitmen dan sokongan di sepanjang proses Pembangunan NHRAP.

Tidak terkecuali juga pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Persatuan Masyarakat Sivil (CSO) yang turut serta dalam memberikan input dan pandangan melalui siri rundingan awam dan perbincangan kumpulan berfokus semasa Kajian Dasar Pembangunan NHRAP dilaksanakan.

Akhir kata, saya mengharapkan sokongan yang berterusan daripada semua pihak yang berkepentingan di peringkat akar umbi sehingga peringkat tertinggi Kerajaan dapat diberi bagi memastikan NHRAP dapat dilaksanakan secara berkesan. Semoga usaha murni Kerajaan dalam menangani isu-isu hak asasi manusia melalui pelan ini dapat memberikan manfaat kepada rakyat pada masa ini dan akan datang.

RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

“NHRAP diterima pakai sebagai dokumen yang boleh ditambahbaik berdasarkan perkembangan semasa. Dokumen NHRAP ini akan dikaji semula secara berkala bagi menangani jurang, cabaran dan isu-isu baharu yang timbul demi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Perlembagaan Persekutuan dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan komited dalam membangunkan indikator spesifik bagi NHRAP melalui rundingan dengan semua pihak berkepentingan. Ini adalah bagi memastikan pelaksanaan NHRAP akan menjurus kepada penambahbaikan terhadap keadaan hak asasi manusia di negara ini dan membawa perubahan yang bermakna kepada kehidupan penduduk di Malaysia.”

Hak asasi manusia merupakan agenda yang sering dititikberatkan oleh semua pihak sama ada di peringkat tempatan mahupun di mimbar dunia kerana ia menjadi asas kepada keharmonian dan kesejahteraan manusia. Oleh itu, Kerajaan memikul tanggungjawab yang amat besar dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia rakyatnya. Salah satu indikator yang penting dalam pemeliharaan hak asasi manusia ialah kewujudan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan atau dikenali sebagai *National Human Rights Action Plan* (NHRAP) dalam sesebuah negara.

Sehubungan itu, Malaysia telah membangunkan NHRAP yang merupakan inisiatif Kerajaan yang selari dengan persetujuan Malaysia semasa Penilaian Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review*) pada tahun 2009 di Geneva, Switzerland bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia. Sejajar dengan persetujuan tersebut, Kerajaan telah melantik Hazizah & Co sebagai Perunding untuk menjalankan Kajian Dasar (*baseline study*) dan seterusnya membangunkan NHRAP untuk Malaysia. NHRAP Malaysia yang telah dibangunkan merangkumi lima (5) teras yang utama iaitu:

- (a) Teras 1: Hak Sivil dan Politik
- (b) Teras 2: Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
- (c) Teras 3: Hak Golongan Rentan (Wanita, Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Pelarian)
- (d) Teras 4: Hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*
- (e) Teras 5: Kewajipan Antarabangsa

Dalam membangunkan NHRAP, pelbagai pihak berkepentingan seperti kementerian, agensi, jabatan, NGO, CSO, pakar hak asasi manusia dan lain-lain telah terlibat secara ekstensif dalam beberapa kaedah kajian yang telah digunakan. Kaedah kajian yang utama ialah temu bual, soal selidik, rundingan awam, seminar hak asasi manusia dan perbincangan meja bulat.

NHRAP Malaysia yang dibangunkan mengambil kira lima aspek penting dalam pembangunan sesuatu pelan tindakan iaitu “*Specific, Measurable, Achievable, Realistic and Timely*” (SMART). Selain itu, ia juga memenuhi elemen penting yang lain, iaitu:

- (i) *action oriented*;
- (ii) strategi dan tindakan yang jelas;
- (iii) agensi pelaksana;
- (iv) jangka masa pelaksanaan;
- (v) pemantauan dan penyeliaan; dan
- (vi) penilaian pelaksanaan.

Aspek-aspek ini merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian dalam membangunkan NHRAP. Aspek-aspek ini sangat signifikan untuk memastikan NHRAP yang dibangunkan bukan sahaja relevan malah ia dapat direalisasikan sejajar dengan semangat yang terkandung dalamnya.

Dalam menjayakan pelaksanaan NHRAP di Malaysia, semua pihak harus berganding bahu serta memberikan komitmen, sokongan dan kerjasama yang padu demi kemaslahatan sejagat menerusi perlindungan hak asasi manusia.

PEMBANGUNAN DAN PEMBENTUKAN DRAF NHRAP

A. PENDAHULUAN

Hak asasi manusia ialah hak-hak asas sebagai seorang manusia dalam kehidupannya. Hak asasi manusia merupakan penghormatan, maruah, kebebasan dan harga diri sebagai seorang manusia. Hak asasi manusia adalah amanah dan tanggungjawab utama yang perlu ditunaikan oleh para pemerintah kepada rakyatnya. Hak asasi manusia menjadi tuntutan sejagat dan tidak harus dicabuli oleh sesiapa pun termasuk Kerajaan. Pengabaian dan penafian terhadap hak-hak asasi ini boleh menyebabkan kegagalan dalam melahirkan negara yang harmoni, berjiwa merdeka dan makmur. Hak asasi tersebut bukan sahaja hak yang menjaga dan melindungi fizikal, tetapi juga hak yang menjaga kerohanian manusia.

Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan atau *National Human Rights Action Plan* (NHRAP) merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia yang selari dengan persetujuan Malaysia semasa Penilaian Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review*) pada tahun 2009 di Geneva, Switzerland untuk menyediakan NHRAP bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan NHRAP bagi Malaysia. Kajian Pembangunan NHRAP telah bermula pada November 2015 untuk tempoh selama 18 bulan. Kajian ini melibatkan lima (5) teras yang utama iaitu:

- (a) Teras 1: Hak Sivil dan Politik
- (b) Teras 2: Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
- (c) Teras 3: Hak Golongan Rentan (Wanita, Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Pelarian)
- (d) Teras 4: Hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*
- (e) Teras 5: Kewajipan Antarabangsa

United Nation Handbook on National Human Rights Action Plan (UN Handbook on NHRAP) yang dihasilkan oleh *Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR)* merupakan rujukan utama dalam membangunkan NHRAP Malaysia. Menurut garis panduan OHCHR ini, Pembangunan NHRAP memerlukan suatu kajian dasar (*baseline study*) hak asasi manusia yang menyeluruh dan bertepatan dengan keadaan hak asasi manusia di Malaysia pada waktu ia dibangunkan. Kajian dasar ini dapat menilai tahap perlindungan hak asasi manusia semasa dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada serta mencadangkan penambahbaikan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Berdasarkan keterlibatan ekstensif daripada semua lapisan masyarakat, NHRAP Malaysia berjaya dibangunkan. Hasilnya, NHRAP Malaysia mengandungi sebanyak 294 pelan tindakan yang merangkumi 83 isu keutamaan. Oleh sebab kebanyakan pelan tindakan yang dicadangkan dalam kajian ini saling berkait antara setiap teras serta melibatkan pelaksanaan fungsi yang mungkin sama antara agensi yang berasingan, usaha perlu digembleng untuk mengelakkan pertindihan usaha. Oleh itu, perbincangan dari semasa ke semasa penting untuk memastikan pelaksanaan NHRAP mencapai objektifnya kelak.

B. KERANGKA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Malaysia telah merujuk Perlembagaan Persekutuan, UDHR dan *Cairo Declaration* sebagai kerangka utama di samping instrumen-instrumen lain dalam pembangunan NHRAP. Selain itu, aspek politik dan sosiobudaya Malaysia juga menjadi rujukan penting agar NHRAP yang dibangunkan sesuai dengan konteks dan acuan Malaysia.

(i) Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara yang menjadi rujukan penting dalam membangunkan NHRAP Malaysia. Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan definisi “hak asasi manusia,” namun kejelasan boleh diperoleh melalui seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang mentakrifkan “hak asasi manusia” sebagai merujuk “kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.” Ini bermakna takrifan yang diberikan oleh seksyen 2 Akta 597 tersebut jelas menyatakan bahawa hak-hak yang dinyatakan di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan iaitu “kebebasan asasi” merupakan hak asasi manusia yang asas di Malaysia. Oleh itu, ia wajar dijadikan sebagai panduan dan rujukan utama dalam pembangunan NHRAP.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan hak asasi manusia dalam Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan merujuk Perkara 5 hingga Perkara 13 seperti berikut:

- Perkara 5 – Kebebasan diri;
- Perkara 6 – Keabdian dan kerja paksa dilarang;
- Perkara 7 – Perlindungan daripada dibicarakan lebih daripada sekali;
- Perkara 8 – Hak kesamarataan;
- Perkara 9 – Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak;
- Perkara 10 – Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan;
- Perkara 11 – Kebebasan beragama;
- Perkara 12 – Hak berkenaan pendidikan; dan
- Perkara 13 – Hak terhadap harta.

Kesemua perkara yang disebutkan di atas adalah amat penting dan ia tidak semata-mata berkaitan dengan hak sivil dan politik, bahkan ia

merupakan hak yang berkaitan dengan semua teras di bawah kajian pembangunan NHRAP, seperti hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, hak golongan rentan dan hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*.

(ii) Universal Declaration of Human Rights (UDHR)

Pada tahun 1948, Persidangan PBB telah meluluskan *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) dengan undian sokongan oleh 48 daripada 88 buah negara anggota pada ketika itu. Perisytiharan ini terdiri daripada 30 perkara yang menggariskan pandangan Perhimpunan Agung, PBB terhadap hak asasi manusia yang dijamin kepada kesemua rakyat.

Perisytiharan ini berfungsi sebagai asas untuk dua waad hak asasi manusia PBB tanpa ikatan yang asal, iaitu ICCPR dan ICESCR. Antara hak yang termaktub dalam UDHR ialah:

- Perkara 9 – Kebebasan daripada dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya.
- Perkara 13 – Kebebasan untuk bergerak.
- Perkara 16 – Hak untuk kehidupan keluarga.
- Perkara 20 – Kebebasan untuk berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.
- Perkara 21 – Hak untuk mengambil bahagian dalam Kerajaan negaranya secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih secara bebas.
- Perkara 23 – Hak untuk keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah.
- Perkara 25 – Hak untuk suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan.
- Perkara 26 – Hak untuk pelajaran.

UDHR menjadi suatu ukuran bersama terhadap pencapaian oleh seluruh umat manusia dan kesemua negara. Ia bertujuan supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat sentiasa mengingati Perisytiharan ini dan hendaklah berazam melalui pengajaran dan pendidikan bagi memajukan sanjungan terhadap seluruh hak dan kebebasan ini. Ia selanjutnya perlu dilaksanakan dengan langkah berperingkat-peringkat sama ada di dalam negara mahupun antarabangsa bagi menjamin pengiktirafan dan pematuhan sejagatnya yang berkesan.

(iii) Cairo Declaration on Human Rights in Islam (CDHRI)

Dalam hal hak asasi manusia, negara-negara anggota *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) (sebelum ini dikenali sebagai *Organization of the Islamic Conference*) mempunyai tafsiran tersendiri yang dijelaskan dalam *Cairo Declaration on Human Rights in Islam* (CDHRI) dengan huraian sebanyak 25 Perkara yang berakhir dengan penegasan pada Perkara 25 iaitu “Syariah Islam ialah satu-satunya sumber rujukan untuk tafsiran dan penjelasan terhadap semua perkara yang termaktub dalam Perisytiharan ini.” Perisytiharan ini telah dibentangkan ketika berlangsungnya *19th Conference of Islamic Foreign Ministers* pada tahun 1990 di Kaherah.

Perisytiharan ini mengukuhkan lagi bahawa hak-hak asasi dan kebebasan sejagat merupakan sebahagian daripada teras Islam. Islam menekankan bahawa dalam usaha-usaha memperjuangkan dan menegakkan hak asasi manusia, melindungi manusia daripada eksploitasi dan penganiayaan serta mengesahkan kebebasan dan haknya untuk hidup bermaruah, ia mestilah dilakukan berdasarkan kepada ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Ini kerana manusia walaupun telah berada pada tahap kemajuan teknologi kebendaan yang hebat, tetap berhajat dan memerlukan kepercayaan (*belief – religious faith*) bagi menyokong peradaban dan

sebagai kuasa dorongan kepada diri dan manusia sejagat untuk mempertahankan hak-hak mereka.

UDHR tidak sepatutnya dijadikan satu-satunya rujukan untuk memahami hak asasi manusia di dunia. Sebaliknya, instrumen-instrumen lain khususnya CDHRI juga perlu dijadikan rujukan primer oleh negara-negara Islam.

Dalam konteks negara Malaysia, isu-isu hak asasi manusia khususnya yang berkaitan dengan peranan agama, etika dan budaya perlu ditanggapi secara selari dengan tuntutan agama Islam dan perlembagaan negara. Jika tidak, ia akan menghakis kehidupan beragama dan mengundang keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat.

(iv) Politik dan Sosiobudaya Malaysia

Aspek politik dan sosiobudaya negara telah diambil kira agar saranan, syor atau cadangan yang dibuat tidak menjejaskan prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang sedia ada. Dalam konteks Malaysia, yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, struktur politik serta pemerintahan dan pentadbiran negara merupakan faktor penting yang diambil kira dalam pembangunan NHRAP.

Sebagai pelengkap kepada pembentukan negara, Perlembagaan Persekutuan telah digubal dan menjadi punca kuasa serta sumber perundangan utama negara. Selepas kemerdekaan, konsep Raja Berperlembagaan telah diperkenalkan di Persekutuan Tanah Melayu dan ia diteruskan sehingga ke hari ini sebagai satu konsep dalam negara Malaysia. Ketua negara Malaysia ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan sembilan orang Raja-raja Melayu mengikut susunan setiap lima tahun.

Kewujudan institusi beraja yang diwarisi sejak turun-temurun dalam sejarah Malaysia dan mendapat keistimewaan yang tersendiri merupakan suatu aspek yang diberikan perhatian. Oleh itu, apa-apa pelan tindakan yang dibuat perlulah mengambil kira aspek ini kerana ia merupakan satu keunikan dalam struktur pemerintahan negara yang wujud di Malaysia.

Malaysia juga mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen yang bermaksud rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara. Melalui sistem ini, rakyat berpeluang membentuk Kerajaan kerana rakyat bebas memilih wakil-wakil mereka melalui pilihan raya. Selain itu, Malaysia juga mengamalkan sistem Persekutuan atau federalisme. Sistem ini bermaksud bahawa pentadbiran negara dibahagikan kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kerajaan pusat bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap negara Malaysia dan kerajaan negeri bertanggungjawab secara khusus mengikut negeri masing-masing. Kuasa pentadbiran dibahagikan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Bidang kuasa ini juga diperuntukkan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dalam aspek yang lain, Malaysia juga merupakan negara yang unik kerana masyarakatnya berbilang kaum seperti kaum Melayu, India, Cina, Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta kaum-kaum lain. Kemajmukan ini bukan sahaja dilihat dari segi kaum dan ras, malahan ia telah mewarnai budaya, cara hidup, pemakanan dan pemakaian penduduk di negara ini. Kemajmukan masyarakat ini juga tidak boleh diabaikan dalam menjalankan kajian yang berkaitan hak asasi manusia di Malaysia. Kepelbagaian kebudayaan yang wujud disebabkan kemajmukan Malaysia penting untuk difahami dalam merangka apa-apa pelan tindakan yang berkaitan kebudayaan di Malaysia.

Sesungguhnya, memang tidak dapat disangkal bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan cara yang tersendiri. Keadaan politik dan sosiobudayanya yang berbeza menuntut agar apa-

apa dasar, tindakan atau inisiatif yang dirangka mengambil kira aspek tersebut sebagai suatu komponen asas yang penting.

C. PROSES PEMBANGUNAN NHRAP

Pembangunan NHRAP telah melalui beberapa proses yang komprehensif untuk memastikan Pelan Tindakan yang dibangunkan dapat mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

(i) Fasa Kajian Pembangunan NHRAP

Kajian Pembangunan NHRAP terbahagi kepada tiga fasa yang utama. Pembahagian fasa-fasa ini penting dalam memandu kajian ini dengan lebih jelas, berstruktur dan sistematik.

(a) Fasa I: Pengumpulan data

Fasa I ialah tahap yang paling awal dalam kajian ini. Fasa ini dikenali sebagai fasa pengumpulan data. Dalam fasa ini, kerja-kerja pengumpulan data dilaksanakan menggunakan kaedah pengumpulan data yang telah ditetapkan. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kajian literatur, temu bual, soal selidik, seminar dan rundingan awam.

(b) Fasa II: Penganalisisan data

Fasa II ialah fasa penganalisisan data yang telah dikumpul melalui kaedah pengumpulan data. Dalam fasa ini, data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah penganalisisan data yang telah ditentukan iaitu kaedah jurisprudens, kaedah sejarah, kaedah perbandingan serta kaedah analitis dan kritis. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk mendapatkan pola yang tepat dan dapatan yang sesuai dengan acuan Malaysia.

(c) Fasa III: Pendrafan NHRAP dan Laporan Akhir

Fasa III merupakan fasa yang menjadi inti pati utama dalam kajian pembangunan NHRAP. Fasa III dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pendrafan NHRAP dan peringkat pendrafan laporan akhir.

Pada peringkat pertama, proses pendrafan NHRAP dijalankan berdasarkan dapatan dan analisis yang telah dibuat. Draf NHRAP yang dirangka dibincangkan secara rinci dengan pihak-pihak berkepentingan khususnya agensi pelaksana untuk memastikan draf yang dibuat mencapai lima komponen "SMART." Draf yang dirangka mengandungi isu keutamaan berserta cadangan pelan tindakan yang perlu diambil, jangka masa yang sesuai dan agensi peneraju yang dikenal pasti.

Peringkat kedua Fasa III pula menjurus kepada kerja-kerja mendraf laporan akhir kajian. Laporan akhir kajian yang dibuat merangkumi ringkasan keseluruhan kajian yang, antara lain, mengandungi perkara seperti hasil penuh kajian, metodologi kajian, skop teras-teras utama kajian serta aspek pemantauan dan penilaian NHRAP.

(ii) Penyediaan Laporan Awalan dan Interim

Dalam Kajian Pembangunan NHRAP, tiga jenis laporan telah disediakan iaitu Laporan Awalan, Laporan Interim dan Laporan Akhir.

(a) Laporan Awalan

Pada peringkat awal kajian, laporan awalan yang mengandungi gambaran dan kerangka umum keseluruhan Kajian Pembangunan

NHRAP termasuk objektif dan kepentingan NHRAP, metodologi serta skop teras-teras utama kajian telah disediakan.

(b) Laporan Interim

Sebanyak empat laporan interim telah disediakan mengikut perkembangan kajian. Laporan ini mengandungi maklumat yang diperoleh daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

(c) Laporan Akhir

Pada peringkat akhir kajian Laporan Akhir telah disediakan. Laporan Akhir merangkumi hasil penuh kajian termasuk dapatan semua metodologi yang telah digunakan di samping analisis berkenaan dengan skop kajian yang telah ditetapkan.

(iii) Pemantauan Kajian

Dalam memastikan kajian ini dijalankan mengikut objektif dan mencapai sasaran, terdapat mekanisme yang dibentuk untuk memantau perjalanan dan perkembangan kajian, iaitu:

(a) Pembentangan di hadapan Jawatankuasa Teknikal

Mekanisme utama dalam pemantauan Kajian Pembangunan NHRAP ialah pembentangan di hadapan Jawatankuasa Teknikal (JKT). Dalam kajian ini, terdapat lima JKT yang diwujudkan mengikut lima teras utama kajian. Setiap teras mempunyai JKT yang tersendiri dan ia dianggotai oleh wakil-wakil kementerian, agensi dan jabatan yang relevan.

Semua hasil kajian mengikut teras dibentangkan di hadapan JKT masing-masing sebelum setiap laporan dihantar kepada BHEUU. Pembentangan ini penting untuk mengesahkan data, meneliti

dapatan kajian dan membincangkan isu-isu yang berbangkit mengikut teras. Pembentangan di hadapan JKT merupakan forum yang penting dalam mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli JKT.

(b) Pembentangan di hadapan Jawatankuasa Pemantau

Selain JKT, Jawatankuasa Pemantau diwujudkan sebagai mekanisme tambahan untuk memantau Kajian Pembangunan NHRAP dari semasa ke semasa. Selepas melalui proses pembentangan di hadapan JKT, ringkasan laporan secara umum akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemantau (JKP) sebelum laporan dimuktamadkan. JKP dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BHEUU dan dianggotai oleh lima wakil JKT di samping pihak lain yang telah dilantik. Pada peringkat ini, wakil-wakil JKT akan menyampaikan laporan JKT kepada JKP. Pada akhir pembentangan, JKP akan meluluskan laporan yang telah disediakan.

(c) Pembentangan di hadapan Jawatankuasa Pemandu

Peringkat tertinggi pembentangan dalam Kajian pembangunan NHRAP ialah pembentangan di hadapan Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam kajian ini. Anggotanya terdiri daripada wakil-wakil JKP dan JKT di samping pihak-pihak berkepentingan yang dilantik atau diundang hadir.

(iv) Aspek-aspek Penting dalam Pembangunan NHRAP

NHRAP Malaysia yang dibangunkan mengambil kira lima aspek penting dalam pembangunan sesuatu pelan tindakan iaitu “*Specific, Measurable, Achievable, Realistic and Timely*” (SMART). Aspek-aspek

ini merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian dalam membangunkan NHRAP. Aspek-aspek ini sangat signifikan untuk memastikan NHRAP yang dibangunkan bukan sahaja relevan malah ia dapat direalisasikan sejajar dengan semangat yang terkandung dalamnya. SMART merupakan asas dalam pembangunan sesuatu pelan tindakan kerana ia merangkumi ciri-ciri utama yang menjadi indikator kepada kerelevanan dan kesesuaian sesuatu pelan tindakan.

Menerusi peredaran masa, SMART telah berkembang menjadi SMARTER yang memasukkan “evaluation” dan “re-evaluation” sebagai komponen tambahan. Walau bagaimanapun, komponen tambahan bukanlah sesuatu yang baharu kerana aspek penilaian dan penilaian semula sememangnya menjadi aspek yang dibincangkan dalam NHRAP.

Bagi memastikan NHRAP yang dirangka adalah spesifik, terfokus dan jelas, kajian menggunakan persoalan-persoalan seperti siapa, apa, bila, di mana dan kenapa dalam kajian ini. Di samping itu, NHRAP yang dirangka adalah boleh diukur keberkesanan pelaksanaannya. Ini kerana pelan tindakan NHRAP akan dilihat pelaksanaannya secara efektif melalui laporan kemajuan oleh agensi peneraju serta semakan dan penilaian oleh agensi pemantauan NHRAP yang dicadangkan.

Tambahan pula, sesuatu pelan tindakan mestilah dapat dicapai. Kebolehlaksanaan pelan tindakan adalah penting. Ia tidak boleh sesuatu yang sukar atau tidak boleh dicapai. NHRAP yang dirangka merupakan pelan tindakan yang boleh dicapai dan dilaksanakan oleh agensi-agensi peneraju mengikut kemampuan dan kapasiti agensi yang terlibat kerana ia terhasil daripada beberapa siri rundingan dan perbincangan bersama agensi-agensi yang berkenaan seperti temu bual dan perbincangan meja bulat. Selain itu, satu aspek yang penting dalam pembangunan NHRAP ialah jangka masa pelaksanaan. Pelan tindakan yang dirangka oleh sesebuah negara mestilah mempunyai jangka masa pelaksanaan yang munasabah. Dalam konteks ini, NHRAP Malaysia mempunyai

jangka masa pelaksanaannya iaitu sama ada jangka masa pendek, sederhana atau panjang.

(v) Penetapan Format, Agensi Peneraju dan Jangka Masa NHRAP

NHRAP yang dibangunkan bagi Malaysia disediakan dalam bentuk jadual. Ia disusun dalam bentuk matriks yang merangkumi:-

- (a) isu keutamaan;
- (b) tindakan;
- (c) agensi peneraju; dan
- (d) jangka masa pelaksanaan.

Dalam *UN Handbook on NHRAP*, tiada format khusus atau mandatori yang ditentukan untuk sesebuah negara dalam menyediakan NHRAP. Oleh itu, setiap negara boleh membangunkan NHRAP dalam format masing-masing mengikut kesesuaian dan kehendaknya. Berdasarkan kajian perbandingan, adalah didapati bahawa terdapat beberapa format dalam menyediakan NHRAP. Salah satunya ialah format matriks. Format matriks ialah penyediaan NHRAP dalam bentuk jadual yang tersusun, sistematik dan mudah difahami. Dalam format ini, maklumat yang penting dan signifikan sahaja yang diketengahkan sebagai kandungan utama.

Bagi tujuan NHRAP Malaysia, adalah lebih baik dan sesuai untuk menggunakan format matriks bagi penyediaan NHRAP. Format ini telah diputuskan setelah melalui beberapa siri perbincangan dengan agensi-agensi yang terlibat dalam pembuatan dan pelaksanaan dasar di Malaysia.

Salah satu aspek utama NHRAP ialah penetapan agensi peneraju. Agensi peneraju sangat penting kerana ia merupakan institusi yang akan menerajui atau menjadi pelaksana utama pelan tindakan yang dibangunkan. Agensi peneraju bukan bermaksud bahawa agensi

tersebut sahaja yang akan bertanggungjawab melaksanakan pelan tindakan tetapi ia hanya menunjukkan bahawa ia menjadi penyelarasan dan agensi utama yang akan menjadi rujukan pelaksanaan strategi khusus dari aspek yang dinyatakan dalam NHRAP.

Pemilihan dan penetapan sesebuah agensi sebagai agensi peneraju diputuskan berdasarkan beberapa indikator. Antara indikator penetapan sesebuah agensi peneraju ialah:-

- (a) agensi peneraju mempunyai skop bidang tugas meliputi tindakan yang dicadangkan;
- (b) agensi peneraju terlibat sebagai agensi pelaksana;
- (c) agensi peneraju mempunyai autoriti dalam menerajui sesebuah pelan tindakan; dan
- (d) penglibatan agensi peneraju dalam isu keutamaan.

Selain itu, setiap pelan tindakan mempunyai jangka masa bagi memastikan tindakan tersebut dilaksanakan dalam sesuatu tempoh. Jangka masa ialah suatu tempoh yang ditetapkan untuk pelaksanaan tindakan. Jangka masa pelaksanaan NHRAP dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Dalam NHRAP, jangka masa pendek merujuk tempoh kurang daripada dua (2) tahun, jangka masa sederhana merujuk tiga (3) hingga lima (5) tahun dan jangka masa panjang merujuk tempoh antara lima (5) tahun hingga 10 tahun. Penetapan tempoh jangka masa dibuat dengan mengambil kira amalan umum dari segi pelaksanaan sesuatu dasar, pelan strategik atau program di Malaysia. Penetapan tempoh jangka masa untuk pelaksanaan sesuatu tindakan diputuskan berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti:

- (a) jenis cadangan tindakan seperti meneruskan, menyediakan atau mengkaji semula;

- (b) kewujudan sedia ada pelan tindakan yang dicadangkan dalam pelan strategik atau perancangan agensi pelaksana;
- (c) kemampuan sesuatu agensi untuk melaksanakan tindakan;
- (d) peruntukan kewangan oleh Kerajaan untuk sesuatu tindakan; dan
- (e) kesukaran atau kerumitan pelaksanaan pelan tindakan disebabkan oleh proses yang perlu dilalui (contohnya, proses pindaan undang-undang).

Penetapan jangka masa tindakan membolehkan proses pemantauan dan penilaian dijalankan oleh pihak yang diberi kuasa. Jangka masa pelaksanaan merupakan salah satu aspek asas dalam pengukuran pencapaian sesuatu tindakan. Oleh itu, penetapan jangka masa yang relevan, munasabah dan berpatutan adalah amat penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu tindakan.

(vi) Keterlibatan Pihak Berkepentingan

Dalam menjalankan sesuatu kajian dasar, keterlibatan (*engagement*) semua pihak sama ada pembuat dasar, pelaksana dasar, NGO, CSO dan masyarakat adalah penting untuk diberikan penekanan. Tanpa penglibatan semua pihak, ketepatan dan kesahihan sesuatu kajian yang dijalankan boleh dipersoalkan. Aspek yang penting dalam keterlibatan ialah sejauh manakah peluang atau ruang untuk terlibat telah diberikan kepada semua pihak yang berkepentingan. Jika langkah yang munasabah telah diambil ke arah menyediakan ruang atau peluang penglibatan kepada semua pihak, dapatan kajian tidak boleh dipertikaikan.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data yang telah dijalankan dalam kajian ini. Setiap kaedah

tersebut telah melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan. Perincian penglibatan semua pihak dalam kajian ini mengikut metodologi kajian dijelaskan selepas ini.

1. Kaedah Temu Bual

Bagi tujuan kaedah temu bual ini, sebanyak 39 buah kementerian, jabatan dan agensi, 48 NGO dan 36 individu dan pakar telah ditemui bagi mengumpul data berkaitan hak asasi manusia di Malaysia.

2. Kaedah Soal Selidik

Bagi tujuan kaedah soal selidik, temu bual menggunakan soal soal selidik berstruktur terhadap sampel berjumlah 3030 responden yang mewakili populasi umum penduduk Malaysia telah dilaksanakan. Kaji selidik ini menggunakan soal selidik berstruktur yang dijalankan terhadap responden dewasa (18 tahun ke atas). Instrumen soal selidik mengutarakan soalan-soalan kajian termasuk profil responden. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan kaedah *random stratified sampling*.

3. Kaedah Rundingan Awam

Rundingan awam telah dijalankan di beberapa zon atau lokasi iaitu Kuala Lumpur bagi Zon Tengah, Johor Bharu bagi Zon Selatan, Pulau Pinang bagi Zon Utara dan Kuala Terengganu bagi Zon Timur.

Manakala bagi Zon Sarawak pula, rundingan awam telah diadakan di tiga kawasan iaitu Kuching, Miri dan Bintulu. Rundingan awam di Sabah juga telah diadakan di tiga kawasan iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan.

4. Seminar Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2016 (SeHAM 2016)

Seminar Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2016 (SeHAM 2016) merupakan salah satu metodologi yang penting dalam pembangunan NHRAP. SeHAM 2016 merupakan salah satu platform penting dalam mengumpul data dan maklumat berkaitan hak asasi manusia. Di samping itu juga, SeHAM 2016 merupakan suatu wadah bagi mendedahkan konsep hak asasi manusia kepada pengkhidmat awam dan orang awam. Bagi sesi ucap-tama, sebanyak 67 buah kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, universiti awam, Jabatan Kehakiman Syariah seluruh Malaysia dan lain-lain telah mengambil bahagian. Selain itu, sebanyak 20 kertas kerja daripada penyelidik-penyelidik hak asasi manusia telah dibentangkan.

5. Perbincangan Meja Bulat atau *Roundtable Discussion* (RTD)

Beberapa siri Perbincangan Meja Bulat atau *Roundtable Discussion* (RTD) telah dijalankan bersama wakil kementerian, agensi dan jabatan Kerajaan yang terlibat sebagai agensi peneraju untuk meneliti dan membincangkan NHRAP secara rinci dan spesifik.

6. Kaedah-kaedah Lain

Selain kaedah-kaedah yang disebutkan di atas, bagi menggalakkan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam kajian NHRAP, laman web NHRAP telah dibangunkan yang beralamat www.nhrapmalaysia.com. Laman web ini disediakan untuk diakses oleh sesiapa sahaja bagi memberikan apa-apa maklumat, pandangan, cadangan dan maklum balas berkaitan kajian hak asasi manusia. Ini merupakan kaedah pengumpulan data secara dalam talian (*online*). Di samping itu, BHEUU turut

membangunkan laman webnya yang tersendiri untuk tujuan kajian yang sama. Ia boleh diakses di alamat www.nhrap.bheuu.gov.my.

Tambahan pula, medium yang lain seperti telefon, faks, dan e-mel juga digunakan sebagai mekanisme dalam mengemukakan maklumat, pandangan, cadangan dan maklum balas berkaitan kajian hak asasi manusia kepada semua pihak berkepentingan termasuk orang awam.

7. Konsultasi Draf NHRAP

Setelah membangunkan draf NHRAP dan membentangkannya dalam RTD bersama kementerian, agensi dan jabatan Kerajaan, kertas konsultasi Draf NHRAP telah disediakan dan dikemukakan kepada umum. Kertas konsultasi tersebut disediakan untuk mendapatkan maklum balas dalam bentuk pandangan, cadangan, kritikan, ulasan dan lain-lain daripada NGO, orang awam, pakar-pakar hak asasi manusia dan semua pihak lain tentang pelan tindakan hak asasi manusia yang dibangunkan untuk Malaysia.

(vii) Saranan dan Maklum Balas Penilaian Berkala Sejagat atau *Universal Periodic Review (UPR)*

Pembangunan NHRAP Malaysia telah mengambil kira saranan atau syor yang diterima oleh Kerajaan Malaysia semasa UPR khususnya UPR pada tahun 2013. Maklum balas Kerajaan Malaysia sama ada menerima sepenuhnya, menerima secara prinsip, menerima sebahagian dan tidak menyokong syor yang dikemukakan oleh negara-negara semasa UPR telah diberikan perhatian dalam pembangunan NHRAP Malaysia.

Secara keseluruhannya, Malaysia telah menerima 232 syor semasa UPR pada tahun 2013 daripada negara-negara anggota PBB. Daripada jumlah tersebut, Malaysia telah menerima sebanyak 150 syor dan menolak 82 syor. Daripada jumlah 150 yang telah diterima oleh

Malaysia, sebanyak 113 syor telah diterima sepenuhnya (*accept in full*), 22 syor telah diterima secara prinsip (*accept in principle*) dan 15 syor telah diterima secara sebahagian (*accept in part*).

Kesemua syor yang dikemukakan semasa UPR kepada Malaysia berserta maklum balas Kerajaan terhadapnya telah diteliti sejak awal kajian NHRAP bermula. Tumpuan yang lebih khusus telah diberikan kepada syor yang telah diterima oleh Malaysia semasa membangunkan NHRAP kerana Kerajaan mempunyai tanggungjawab dalam menjawab persoalan berkaitan dengannya dalam UPR seterusnya. Sememangnya NHRAP yang dibangunkan telah menjadikan syor UPR sebagai satu kerangka yang penting ke arah perlindungan hak asasi manusia di Malaysia.

(viii) Pemilihan Isu-isu Keutamaan

Pada peringkat awal kajian Pembangunan NHRAP, banyak isu hak asasi manusia yang telah dikenal pasti berdasarkan pelbagai jenis metodologi yang telah digunakan. Sungguhpun demikian, hanya isu-isu yang mempunyai jurang menjadi keutamaan dalam NHRAP Malaysia.

Kaedah pemilihan isu-isu keutamaan dalam NHRAP adalah berdasarkan garis panduan yang dinyatakan dalam *UN Handbook on NHRAP*. *UN Handbook on NHRAP*, antara lain, menyatakan bahawa isu-isu berkaitan dengan hak dan kebebasan diri seperti hak untuk hidup tanpa ada penganiayaan dan penderaan serta keselamatan individu perlu diberikan keutamaan. Bagi isu lain yang perlu diberikan perhatian, ia adalah berdasarkan konsep kesaksamaan dan kesamarataan yang substantif (*substantive equality*) dan bukan kesaksamaan dan kesamarataan yang berbentuk formal sahaja (*formal equality*) yang boleh membantu dalam menghapuskan apa-apa bentuk diskriminasi kaum, jantina dan lain-lain.

Selain itu, *UN Handbook on NHRAP* juga menyatakan kriteria penting yang perlu diambil kira dalam menentukan isu keutamaan seperti yang berikut:

- (a) tahap keseriusan sesuatu masalah dari segi impak hak asasi manusia;
- (b) implikasi kos dalam penyelesaian sesuatu masalah hak asasi dengan mengambil kira sumber-sumber yang sedia ada;
- (c) impak penyelesaian sesuatu masalah hak asasi ke atas objektif pelan tindakan yang lain; dan
- (d) tahap kebimbangan orang ramai terhadap sesuatu isu hak asasi.

Oleh itu, kriteria yang dinyatakan di atas menjadi asas dalam pemilihan isu-isu keutamaan setelah kajian dasar dibuat tentang status hak asasi manusia di Malaysia. Segala maklum balas yang diterima daripada semua pihak berkepentingan telah dikaji dan dibandingkan untuk melihat jurang hak asasi yang wujud. Sekiranya wujud jurang yang besar, isu tersebut akan diberikan keutamaan untuk dimasukkan dalam pelan tindakan.

Tindakan ini tidak bermakna bahawa hanya hak asasi sekelompok manusia sahaja yang diberikan perhatian. Konsep hak asasi manusia untuk semua tetap dipertahankan supaya implikasi yang menyeluruh daripada pelan tindakan ini dapat dizahirkan.

Pemilihan isu keutamaan juga dibuat dengan teliti supaya tindakan yang diambil tidak terawang-awang dan tersasar tetapi berasaskan keperluan yang mendesak dan menepati maksud yang dihasratkan sebagaimana yang terzahir daripada kajian dasar yang dijalankan. Selain itu, pemilihan isu keutamaan juga dibuat berdasarkan tempoh masa

penyelesaian. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelan tindakan yang dicadangkan mampu dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

D. KESIMPULAN

Penglibatan semua pihak dan agensi dalam pembangunan NHRAP memberikan petunjuk positif bahawa telah berlaku proses pendidikan hak asasi manusia secara tidak langsung di Malaysia. Melalui kajian ini, seluruh pihak dan agensi yang terlibat pada hakikatnya mulai memahami lebih mendalam tentang hak asasi manusia selain memainkan peranan penting dalam memastikan hak asasi manusia mendapat perlindungan di negara ini. Pembangunan NHRAP dapat menyumbang kepada pembinaan budaya hak asasi manusia di Malaysia.

Kajian dasar dalam pembangunan NHRAP ini adalah relevan dan signifikan untuk menjadi landasan pelaksanaan NHRAP di Malaysia. Segala input, maklum balas dan dapatan yang diperolehi daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi, pertubuhan dan individu sepanjang tempoh kajian memberi petunjuk yang mengagumkan bahawa semua sektor dalam negara memberi sokongan padu dalam pembangunan NHRAP. Usaha membanggakan ini pasti memberikan kesan positif kepada Malaysia yang sentiasa komited memenuhi tanggungjawab sebagai negara yang berdaulat dan disegani di persada dunia.

TERAS-TERAS UTAMA PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)

A. TERAS 1: HAK SIVIL DAN POLITIK

Skop Teras 1 meliputi hak sivil dan politik. Secara umum, hak sivil adalah amat luas dan termasuk hak sama rata tanpa diskriminasi; perlindungan daripada kesalahan sivil seperti gangguan, pencerobohan, kemungkiran kontrak, pecah amanah; pengekalan kedudukan istimewa bumiputera/Melayu; perlindungan hak asasi; kebebasan diri; kebebasan bergerak; perlindungan daripada menjadi hamba abdi dan buruh paksa; perlindungan sosial seperti hak mendapatkan perlindungan, keselamatan, pendidikan, kemudahan asas, kesihatan; perlindungan ekonomi seperti hak memiliki dan melindungi harta; akses kepada sistem keadilan dan instrumen penyelesaian konflik; hak mendapatkan pengenalan diri; perlindungan data dan keselamatan peribadi.

Bagi hak politik, ia termasuk kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat; berhimpun secara aman tanpa bersenjata; berpersatuan; hak mendapatkan maklumat; hak penerbitan; akses kepada media; hak menyertai pilihan raya dan mengundi; hak untuk mendapatkan jaminan keselamatan termasuk hak untuk dilindungi daripada salah guna kuasa, serangan, ancaman dan pencerobohan; kebebasan beragama; dan perlindungan institusi Diraja.

Meskipun ia dinamakan sebagai hak sivil dan politik, namun kajian menunjukkan bahawa kedua-dua perkara ini adalah dirujuk secara bersejua dan bukan secara berasingan. Bagi maksud kajian NHRAP, Teras 1 menjadikan Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan sebagai asas kepada kajian tentang hak sivil dan politik yang meliputi hak untuk hidup; hak orang kena tahan; hak untuk kebebasan diri; hak untuk tidak dilayan sebagai buruh paksa/hamba abdi; hak untuk tidak dibicarakan lebih daripada sekali untuk kes yang sama; hak untuk bergerak; hak untuk berhimpun, berpersatuan, berfikir dan bercakap; hak untuk beragama; hak

untuk mendapat layanan yang adil dan saksama tanpa boleh dibezakan semata-mata atas sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir; hak kewarganegaraan; hak untuk mengundi secara bebas, adil dan saksama; hak untuk berpolitik; hak untuk mendapat perbicaraan yang adil; kebebasan media; dan hak untuk mendapat maklumat awam.

Walau bagaimanapun, Perlembagaan juga memperuntukkan bahawa hak sivil dan politik ini tidak bersifat mutlak dengan memberikan beberapa pengecualian bagi kebebasan ini seperti peruntukan tentang kedudukan istimewa orang Melayu serta hak kaum bumiputera yang lain, sekatan ke atas kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat, dan had kebebasan asasi bagi sesuatu tindakan subversif atau semasa darurat.

Sehubungan itu, Parlimen juga boleh mengenakan sekatan tertentu demi kepentingan keselamatan, ketenteraman awam atau moral. Sebagai contoh, adalah menjadi suatu kesalahan untuk menyoal perkara-perkara sensitif seperti kedudukan istimewa orang Melayu dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi; dan Parlimen dibenarkan untuk menggubal undang-undang bagi “membuat sekatan yang perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau ketenteraman awam” di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Berkenaan dengan pihak yang dilindungi, hak sivil dan politik melindungi segenap lapisan masyarakat. Namun, terdapat kategori masyarakat yang sepatutnya mendapat perhatian yang lebih daripada segolongan yang lain. Hak sivil dan politik yang berkaitan dengan kebebasan diri (seperti isu kematian dan penderaan dalam penjara) adalah lebih tertumpu kepada pihak polis, pihak berkuasa penjara dan orang yang ditahan reman dan dipenjarakan. Manakala, isu berkaitan dengan tahanan pencegahan adalah tertumpu kepada penerangan kepada orang ramai tentang undang-undang pencegahan.

Selain itu, hak sivil dan politik melindungi golongan wanita dan yang daif berkenaan dengan isu akses kepada keadilan. Kajian mendapati bahawa sesetengah golongan ini menghadapi kesukaran dalam mendapatkan keadilan di mahkamah kerana wujudnya kekurangan pengetahuan atau halangan lain.

Bagi hak sivil dan politik seperti hak bersuara dan hak untuk mendapatkan maklumat, ia memberikan manfaat kepada orang ramai supaya orang ramai dapat bersuara dengan lebih bebas dalam ruang lingkup yang masih terkawal. Ini termasuklah cadangan untuk melihat semula undang-undang berkaitan dengan hasutan dan kebebasan untuk mendapatkan maklumat. Ini akan meningkatkan ketelusan dan tadbir urus yang baik. Selain itu, hak lain yang berkaitan dengan orang ramai ialah hak untuk berpersatuan dan hak untuk berhimpun secara aman. Tumpuan juga diberikan kepada perhubungan antara kaum iaitu dengan melihat kepada isu diskriminasi kaum dan isu perbezaan agama. Isu golongan minoriti *Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender* (LGBT) turut diberikan perhatian.

Dalam memelihara hak sivil dan politik masyarakat, saranan antarabangsa khususnya dalam UPR diambil kira seperti saranan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dalam sesetengah kes jenayah; mengukuhkan dan mempromosikan hak wartawan dan penulis blog untuk menjalankan hak bersuara mereka secara bebas; meneruskan usaha untuk menggalakkan hak untuk berhimpun secara aman mengikut undang-undang negara; menambah baik undang-undang domestik bagi menjamin hak tahanan untuk perbicaraan yang adil; dan mengukuhkan langkah-langkah untuk mencegah dan menghapuskan segala bentuk layanan buruk, termasuk penyeksaan.

Isu khas berkaitan dengan hak sivil dan politik bagi masyarakat di Sabah dan Sarawak juga diberikan perhatian khusus iaitu yang berkaitan dengan hak kewarganegaraan dan keselamatan.

ISU KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Perlindungan diri tahanan di dalam lokap/penjara	Mencapai kematian sifar tahanan di dalam lokap/penjara dan penderaan sifar ke atas tahanan lokap/reman.
2.	Pemeriksaan pengurusan lokap	Meningkatkan kecekapan penguat kuasa dalam pengurusan lokap untuk melindungi hak asasi manusia tahanan.
3.	Penambahbaikan garis panduan tahanan reman oleh semua agensi penguat kuasa	Memantapkan proses pengendalian tahanan reman oleh agensi penguat kuasa.
4.	Hak orang tahanan untuk mendapat penjagaan kesihatan yang konsisten	Meningkatkan tahap kesihatan orang tahanan dan mengelakkan kematian dalam tahanan.
5.	Kajian semula hukuman mati mandatori.	Memastikan hukuman mati dikenakan ke atas kesalahan jenayah yang paling serius dan selari dengan undang-undang antarabangsa yang berkaitan.
6.	Meningkatkan kesedaran orang awam terhadap undang-undang pencegahan.	Memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang semangat dan tujuan undang-undang pencegahan.
7.	Hak memperoleh maklumat (a) Sekatan ke atas hak memperoleh maklumat.	Mewujudkan keseimbangan antara hak awam dengan tanggungjawab kerajaan untuk memelihara keselamatan negara.
8.	Hak sama rata/tiada diskriminasi (a) Isu ketidakadilan kepada litigan wanita akibat kelewatan proses perceraian dan tuntutan-tuntutan lain di Mahkamah Syariah	Menjamin hak sama rata dan mengelakkan diskriminasi dalam kes litigan wanita berdepan isu kelewatan proses perceraian dan tuntutan lain di Mahkamah Syariah.

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
	(b) Pengukuhan perpaduan kaum dan agama	Memastikan setiap rakyat mendapat keadilan yang sewajarnya daripada Mahkamah Syariah khususnya tentang keberkesanan perintah Mahkamah Syariah, ketidakseragaman undang-undang berkaitan dengan hal perkara syariah di negeri-negeri dan kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah.
9.	Hak untuk mengundi (a) Isu salah guna tema agama dalam politik (b) Isu akses yang saksama dan adil kepada media bagi parti politik untuk berkempen sepanjang tempoh pilihan raya. (c) Isu berpolitik secara bebas iaitu untuk memilih parti politik yang disokong.	Menjamin kebebasan dan ketelusan pilihan raya dengan meningkatkan akses yang saksama dan adil.
10.	Hak untuk mendapatkan keadilan (<i>access to justice</i>) di Mahkamah Syariah. (a) Keberkesanan perintah Mahkamah Syariah. (b) Ketidakseragaman undang-undang berkaitan dengan hal-hal syariah di negeri-negeri. (c) Kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah termasuk yang berkaitan dengan pelaksanaan perintah.	Memperkasakan fungsi Mahkamah Syariah dan meningkatkan kecekapannya sebagai institusi keadilan.
11.	Profesionalisme dan integriti badan penguat kuasa.	Menambah baik SOP kerja dan garis panduan sedia ada bagi agensi penguat kuasa untuk meningkatkan tahap kebolehpercayaan orang awam terhadap integriti institusi berkenaan di samping mewujudkan SOP tentang tindakan segera yang boleh diambil ke

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
		atas mana-mana anggota penguat kuasa bagi apa-apa salah laku.
12.	Pengampunan banduan	Memastikan banduan yang ditahan, khasnya banduan yang menghadapi hukuman penjara sepanjang hayat, seumur hidup atau hukuman mati mendapat hak untuk mengemukakan pengampunan.
13.	Dokumen pengenalan diri di Sabah dan Sarawak	Menambah baik program sedia ada bagi menangani isu kelewatan memperoleh kad pengenalan diri di Sabah dan Sarawak; memberikan kesedaran tentang kepentingan mempunyai kad pengenalan; menangani isu kewarganegaraan dan tanpa kad pengenalan diri; dan menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin (PATI), golongan Pala'u (di Sabah) dan pelarian.
14.	Isu Keselamatan di Sabah dan Sarawak	Meningkatkan aspek keselamatan penduduk di Sabah dan Sarawak, terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan sempadan antarabangsa dan menjaga keselamatan nasional dan antarabangsa daripada diceroboh dengan meningkatkan kerjasama antara agensi penguat kuasa negara-negara yang bersempadan.

B. TERAS 2: HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Teras 2 meliputi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan di bawah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) Malaysia. Bagi menjalankan penyelidikan ini, adalah amat penting untuk ditekankan bahawa asas kajian hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada falsafah relativisme budaya (*cultural relativism*) bukan bersifat "*total universalism*." Ini bermakna penyelidikan ini mengambil kira aspek sosiobudaya dan agama dalam mentafsirkan dan menentukan hak asasi manusia. Berbeza dengan pendekatan yang mengiktiraf hak asasi manusia sebagai hak yang bersifat mutlak, tafsiran hak asasi manusia dalam penyelidikan ini diseimbangkan dengan aspek agama dan sosiobudaya di Malaysia.

Skop Teras 2 meliputi 3 hak yang penting iaitu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Hak ekonomi merangkumi enam perkara iaitu:

- (i) Hak Perniagaan dan Kepenggunaan;
- (ii) Hak Pekerja;
- (iii) Hak Pembasmian Kemiskinan dan Ketidaksamarataan;
- (iv) Hak Keperluan Asas;
- (v) Hak Kemudahan Asas; dan
- (vi) Hak Asasi Manusia dan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa.

Hak Sosial mengandungi lima perkara iaitu:

- (i) Hak Pendidikan;
- (ii) Hak Kesihatan;
- (iii) Hak Alam Sekitar;
- (iv) Hak Perkhidmatan dan Keselamatan Sosial dan Perpaduan Nasional; dan
- (v) Hak Rekreasi.

Hak Kebudayaan pula merujuk empat perkara iaitu:

- (i) Hak Amalan Kebudayaan;
- (ii) Hak Harta Intelek;
- (iii) Hak Bahasa; dan
- (iv) Hak Warisan Kebudayaan.

Pelan tindakan khusus bagi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan ini menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai asas utama. Ini selaras dengan seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang mentakrifkan “hak asasi manusia” sebagai merujuk “kebebasan asas sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.” Pelan tindakan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan ini dibangunkan secara rinci dengan mengambil kira kajian dasar (*baseline study*) yang telah dijalankan. Di samping itu, adalah penting untuk mengambil kira perancangan dan dasar negara seperti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), “*Agenda 2030 SDG Roadmap*” Transformasi Nasional 2050 dan Model Ekonomi Baru.

Walaupun secara umumnya asas utama pelan tindakan ini ialah Perlembagaan Persekutuan, kajian ini juga mengambil kira instrumen hak asasi manusia yang lain sebagai rujukan dan ini termasuk UDHR, ICESCR, *Cairo Declaration of Human Rights in Islam* (CDHRI) dan *ASEAN Human Rights Declaration* (AHRD). Ini bagi memastikan NHRAP Malaysia lebih bersifat universal di samping mengekalkan kerangka hak asasi manusia menurut acuan Malaysia. NHRAP Malaysia juga mengambil kira ruang lingkup hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang merangkumi kerangka hak asasi manusia Malaysia; komitmen hak asasi antarabangsa; perlindungan undang-undang; kerangka hak asasi; akses keadilan; hak pekerja; kemiskinan dan ketidaksetaraan; keadaan sosioekonomi dan budaya; dan pemeliharaan dan pemuliharaan kebudayaan. Selain itu, Teras 2 menjadikan ICESCR sebagai salah satu rujukan utama bagi membangunkan NHRAP bagi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Ini sejajar dengan perkembangan antarabangsa di mana 47 buah Negara Anggota OIC ialah pihak kepada ICESCR.

ISU KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Hak perniagaan dan kepenggunaan	Melindungi dan menjamin hak perniagaan dan hak kepenggunaan termasuk hak pelaburan yang saksama dan adil.
2.	Hak bekerja	Melindungi dan menjamin hak bekerja merangkumi hak-hak pekerja, hak-hak majikan, hak kesatuan sekerja dan kebajikan pekerja.
3.	Pembasmian Kemiskinan dan Ketaksamarataan	Meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan rakyat menerusi pembasmian kemiskinan dan mengurangkan jurang ketidaksamarataan yang merupakan salah satu daripada aspek yang ditekan dalam instrumen antarabangsa termasuk <i>Sustainable Development Goals</i> (SDG).
4.	Kemudahan Asas	Menjamin hak ekonomi berkaitan kemudahan asas rakyat seperti air, elektrik, telekomunikasi dan bekalan tenaga yang mesti dipelihara dan dilindungi secara menyeluruh.
5.	Keperluan Asas	Menjamin dan meningkatkan keperluan asas perumahan yang sesuai kepada rakyat bagi menjamin kehidupan yang baik.
6.	TPPA dan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa	Memastikan bahawa setiap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa yang ingin dimeterai mestilah dapat menjamin hak asasi rakyat.
7.	Hak Pendidikan	Menjamin kualiti, akses dan perkhidmatan pendidikan selaras dengan piawaian antarabangsa.

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
8.	Hak Kesihatan	Menjamin dan melindungi hak sosial rakyat berkaitan aspek kesihatan yang perlu diberikan perhatian utama dan disediakan secara saksama.
9.	Hak Alam Sekitar	Meningkatkan usaha dan menambahbaik perancangan bagi melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan kerosakan sebagai salah satu daripada hak sosial.
10.	Hak Perkhidmatan dan Keselamatan Sosial dan Perpaduan Nasional	Menjamin keharmonian dan kerukunan warga Malaysia menerusi usaha-usaha meningkatkan keselamatan sosial dan perpaduan nasional.
11.	Hak Rekreasi	Menjamin hak sosial rakyat dengan menyediakan kemudahan rekreasi bagi memupuk gaya hidup rakyat yang sihat dan harmoni.
12.	Amalan Kebudayaan	Memelihara dan menjamin hak amalan kebudayaan selaras dengan instrumen antarabangsa dan selari juga dengan roh Perlembagaan Persekutuan.
13.	Harta Intelekt	Memastikan karya dan hasil produk kebudayaan dilindungi dan dipelihara dengan berkesan bagi meneruskan kelestarian hak kebudayaan warga Malaysia agar tidak hilang ditelan zaman.
14.	Hak Bahasa	Memartabatkan bahasa rasmi Malaysia dan dalam masa yang sama memelihara bahasa etnik tempatan yang lain.
15.	Warisan Kebudayaan	Meningkatkan usaha dan perancangan bagi memelihara dan memulihara warisan kebudayaan merangkumi

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
		bangunan warisan, bahan sejarah dan kategori warisan yang lain.

C. TERAS 3: HAK GOLONGAN RENTAN

Teras 3 Kajian Pembangunan NHRAP memberikan fokus kepada lima (5) golongan rentan:

(a) Wanita

Golongan wanita secara amnya diklasifikasikan sebagai golongan rentan kerana diskriminasi yang dihadapi. Berbanding dengan negara maju, perlindungan terhadap hak asasi wanita di negara membangun masih memerlukan perhatian serius kerana golongan ini sangat terdedah kepada masalah kemiskinan, sistem budaya, amalan dan masyarakat yang merendahkan dan mendiskriminasi kaum wanita dan sebagainya.

(b) Kanak-kanak

Golongan kanak-kanak dikategorikan sebagai golongan rentan kerana keupayaan fizikal dan mental mereka yang terbatas berbanding orang dewasa. Di samping itu, kanak-kanak, khasnya di negara membangun berdepan dengan masalah-masalah seperti penderaan, pengeksploitasian, kemiskinan, akses kepada pendidikan serta penjagaan kesihatan dan sebagainya.

(c) Orang kurang upaya (OKU)

Golongan OKU sering menjadi mangsa diskriminasi dan layanan tidak adil disebabkan mereka mempunyai kekangan sama ada dari segi fizikal mahupun mental berbanding orang-orang bukan OKU.

(d) Warga emas

Golongan warga emas pula diklasifikasikan sebagai golongan rentan kerana faktor usia yang meningkat dan keadaan kesihatan. Golongan warga emas juga terdedah kepada keadaan seperti menjadi mangsa diskriminasi, penderaan, pengabaian dan layanan tidak adil.

(e) Pelarian

Status “pelarian” sebagai orang tidak bernegara dan dianggap sebagai pendatang tanpa izin yang masuk ke negara secara tidak sah menyebabkan golongan ini terdedah kepada risiko penyalahgunaan dan eksploitasi, masalah konflik dengan undang-undang dan ketiadaan perlindungan dari segi perundangan. Walaupun Malaysia tidak menyertai *Convention Relating to the Status of Refugees*, Malaysia memberikan pertimbangan dan perhatian kepada golongan “pelarian” atas dasar kemanusiaan.

ISU KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF

(a) Wanita

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Wanita di tempat kerja/wanita bekerja	Meningkatkan akses dan perlindungan wanita dalam bidang pekerjaan di samping memperkasakan ekonomi wanita melalui penggubalan dasar di

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
		tempat kerja yang mesra dan kondusif untuk kaum wanita.
2.	Kes-kes penceraian dan tuntutan nafkah	Memastikan kes penceraian dan pertikaian kekeluargaan di mahkamah dapat diselesaikan dengan cepat, cekap dan dipermudah selain penguatkuasaan perintah mahkamah yang bersepadu dan berkesan.
3.	Keganasan rumah tangga	Memastikan isu keganasan rumah tangga ditangani dengan berkesan.
4.	Kebajikan mangsa pemerdagangan orang	Melindungi kebajikan mangsa pemerdagangan orang.
5.	Hak wanita untuk didengari	Memastikan suara dan pandangan golongan wanita diambil kira oleh pihak Kerajaan.
6.	Ibu tunggal/golongan miskin	Memastikan golongan wanita miskin dan ibu tunggal terus dibantu supaya dapat keluar daripada belenggu kemiskinan.

(b) Kanak-kanak

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Keganasan/salah laku terhadap kanak-kanak	Memastikan hak-hak kanak-kanak terjamin dan terpelihara khasnya dalam menangani keganasan, jenayah dan salah laku terhadap kanak-kanak.
2.	Kanak-kanak dan proses mahkamah	Melindungi hak kanak-kanak dalam proses mahkamah secara lebih menyeluruh.

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
3.	Perkahwinan bawah umur	Menangani kes-kes perkahwinan bawah umur yang mendatangkan kesan negatif terhadap kanak-kanak.
4.	Kanak-kanak tanpa pengenalan diri	Menangani masalah kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah walaupun dilahirkan di Malaysia.
5.	Hak untuk didengari	Memastikan hak kanak-kanak untuk bersuara dan didengari dapat dilaksanakan dengan holistik.
6.	Pendidikan kanak-kanak	Menjamin dan memelihara hak kanak-kanak daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah untuk mendapat akses kepada pendidikan.
7.	Kesihatan kanak-kanak	Menjamin akses kanak-kanak terhadap khidmat penjagaan kesihatan selain meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan kanak-kanak memperoleh perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan.
8.	Penjagaan kanak-kanak	Memastikan kanak-kanak mendapatkan penjagaan yang berkualiti dan selamat daripada penderaan dan kecuaiannya khasnya di pusat jagaan kanak-kanak.
9.	Eksplotasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah	Mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa eksploitasi sebagai peminta sedekah dan pengutip derma.

(c) Orang Kurang Upaya (OKU)

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Pendaftaran OKU	Memastikan golongan OKU tidak tercicir daripada didaftarkan dalam SMOKU bagi membolehkan mereka mendapat pelbagai insentif, bantuan dan kemudahan yang ditawarkan terhadap OKU yang berdaftar.
2.	Pendidikan OKU	Melindungi hak golongan OKU terhadap akses pendidikan dengan lebih baik.
3.	Pekerjaan	Meningkatkan akses golongan OKU kepada pekerjaan agar golongan OKU dapat berdikari dan menyumbang kepada pendapatan sendiri dan ekonomi negara.
4.	Media dan telekomunikasi	Meningkatkan akses golongan OKU kepada perkhidmatan media dan telekomunikasi bagi memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dalam menikmati kemajuan sistem media dan komunikasi pada masa kini.
5.	Kemudahan di hospital	Meningkatkan akses golongan OKU terhadap kemudahan mesra OKU di hospital.
6.	Pemberian bantuan	Memastikan golongan OKU yang layak mendapat akses kepada bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dan tidak tercicir daripada menerima bantuan tersebut.
7.	Kemudahan OKU	Meningkatkan akses OKU terhadap kemudahan perumahan, pengangkutan awam dan bangunan yang boleh diakses dan mesra OKU.

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
8.	Salah laku terhadap OKU	Memelihara keselamatan dan kebajikan OKU daripada salah laku dan jenayah terhadap OKU.
9.	Pampasan PERKESO	Meluaskan skop pampasan dan meningkatkan akses terhadap pampasan PERKESO dalam kalangan pekerja yang menjadi OKU akibat bencana atau penyakit pekerjaan.
10.	Pindaan kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008	Menambah baik hak OKU menerusi Akta Orang Kurang Upaya 2008.
11.	Hak untuk didengari	Menambah baik pelaksanaan hak golongan OKU untuk didengari.
12.	Sukan untuk OKU	Memenuhi hak OKU dalam sukan orang pekak.
13.	Hak pesakit mental	Melindungi hak-hak pesakit mental.

(d) Warga Emas

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan awam	Meningkatkan akses warga emas terhadap perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan awam.
2.	Hak untuk didengari dan berpersatuan	Menambah baik ruang dan peluang bagi warga emas untuk didengari dan berpersatuan.
3.	Kempen kesedaran dan persediaan menghadapi hari tua	Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang persediaan untuk menghadapi penuaan.

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
4.	Latihan dan penyelidikan berkaitan warga emas	Mengatasi isu warga emas dengan memberikan penekanan kepada keperluan penyelidikan dan latihan berkaitan warga emas dan penuaan.
5.	Akses kepada pembelajaran sepanjang hayat	Meningkatkan akses warga emas terhadap pembelajaran sepanjang hayat.
6.	Penjagaan warga emas di rumah	Memastikan warga emas mendapat penjagaan yang selamat dan berkualiti di rumah.
7.	Standard dan kualiti pusat jagaan warga emas	Memastikan bahawa pusat jagaan warga emas menepati standard kualiti, keselamatan dan penjagaan yang ditetapkan.

(e) Pelarian

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Memantapkan pengurusan “pelarian”	Memantapkan proses pengurusan dan pengendalian golongan “pelarian.”
2.	Akses kepada penjagaan kesihatan	Menambah baik akses “pelarian” terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan.
3.	Meningkatkan akses kepada pendidikan	Melindungi hak kanak-kanak “pelarian” untuk mendapatkan akses kepada pendidikan melalui sokongan kepada program pendidikan yang disediakan oleh NGO.

D. TERAS 4: HAK ORANG ASLI, ANAK NEGERI SABAH DAN NATIVES OF SARAWAK

Masyarakat Orang Asal merupakan komuniti yang unik dan berbeza. Di Malaysia, Orang Asal dikategorikan mengikut kedudukan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Orang Asal dirujuk sebagai Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Anak Negeri Sabah di Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak* di Negeri Sarawak. Penggunaan istilah khusus bagi Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak* merupakan hasil persetujuan semua pihak melalui siri perbincangan semasa kajian NHRAP. Penggunaan khusus istilah Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak* telah dipersetujui kerana istilah tersebut mewakili identiti dan suku kaum masing-masing dengan lebih jelas. Tambahan pula, rujukan istilah khusus Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak* ini juga adalah bersesuaian kerana Orang Asli juga dirujuk secara khusus bagi mewakili 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bukan itu sahaja, malah Perlembagaan Persekutuan merujuk penduduk di Sabah dan Sarawak sebagai “*native*” yang bermaksud “anak negeri.” Selain itu, *Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Sabah Cap. 64)* dan *Interpretation Ordinance, 2005 (Laws of Sarawak)* turut menggunakan istilah “*native*” bagi merujuk penduduk Sabah dan Sarawak masing-masing.

Isu berkaitan Orang Asal diberikan perhatian dalam perbincangan hak asasi manusia sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Kajian NHRAP memfokuskan kepada isu-isu hak asasi manusia dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak* yang merangkumi empat dimensi utama iaitu politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Kajian NHRAP mengambil kira pelbagai aspek, termasuklah penilaian terhadap undang-undang domestik, undang-undang antarabangsa, pencapaian dasar dan pelan tindakan sedia ada yang terpakai kepada Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*. Pelbagai kaedah pengumpulan data telah digunakan dalam mendapatkan maklumat yang sahih tentang isu yang dihadapi oleh Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*. Isu-isu yang telah dikenal pasti disahkan melalui pelbagai proses, termasuklah melalui proses semakan silang maklumat, pelaporan, rundingan awam dan perbincangan meja bulat. Kajian NHRAP turut

mengambil kira prinsip undang-undang antarabangsa dalam menganalisis isu Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*.

Di Malaysia, terdapat tiga (3) golongan Orang Asal iaitu Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*. Berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2011, Orang Asli di Semenanjung Malaysia mewakili 0.6% bersamaan 150,000 orang daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Orang Asli terbahagi kepada tiga suku utama berdasarkan etnografi masing-masing iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto yang terdiri daripada 18 suku kaum masyarakat. Suku kaum ini tidak dikira sebagai homogen (*homogenous*), sebaliknya merupakan kaum yang dianggap heterogen kerana memiliki keunikan dan perbezaan yang tersendiri dari perspektif sosiobudaya dan psikososial-kognitif. Setiap suku kaum ini unik dan berbeza kerana mereka memiliki bahasa, adat tradisi dan agama yang berlainan.

ISU KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Isu Hak Penentuan Kendiri	Memperkasakan hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan <i>Natives of Sarawak</i> secara menyeluruh dengan menjamin pemeliharaan identiti, penyertaan, pemerkasaan institusi dan perlindungan dari segi undang-undang.
2.	Isu tanah (a) Persempadanan tanah (b) Pewartaan tanah (c) Tanah adat	Mengiktiraf dan menyelesaikan isu-isu berkaitan hak tanah adat, <i>Native Title</i> dan NCR.
3.	Isu Infrastruktur	Memperbaiki taraf kehidupan Orang Asli di kawasan pedalaman dan pinggir bandar melalui pemerkasaan infrastruktur yang sempurna kepada seluruh masyarakat Orang Asli.
4.	Isu Kesihatan	Memperbaiki tahap kesihatan dalam kalangan Orang Asli secara

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
		menyeluruh dengan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dan mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan Orang Asli.
6.	Isu Pendidikan	Memperkasakan usaha-usaha Kerajaan dalam menangani isu pendidikan dalam kalangan murid-murid Orang Asli demi membantu Orang Asli keluar daripada kepompong kemiskinan.
7.	Isu Alam Sekitar	Melindungi kawasan Orang Asli daripada terjejas akibat kesan pembalakan dan pembangunan tanah. Meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti pembangunan yang melibatkan penerokaan tanah yang dijalankan berhampiran dengan kawasan Orang Asli.
8.	Isu Ekonomi	Menggalakkan Orang Asli mencari pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung pada bantuan Kerajaan semata-mata. Menambah nilai kemahiran Orang Asli untuk menyara diri sendiri.

E. TERAS 5: KEWAJIPAN ANTARABANGSA

Skop Teras 5 meliputi hak kewajipan antarabangsa Malaysia dan isu-isu relevan yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Kajian di bawah Teras 5 bertujuan mengenal pasti tahap kenikmatan hak asasi manusia di Malaysia berdasarkan piawaian antarabangsa yang terkandung dalam instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia serta mengenal pasti cabaran dan kelemahan yang wujud.

Oleh sebab kajian Teras 5 adalah berkaitan dengan kewajipan antarabangsa, maka kajian ini mengambil kira instrumen-instrumen hak asasi manusia sebagai rujukan. Teras 5 telah merujuk semua instrumen utama hak asasi manusia dalam menilai kesesuaian instrumen tersebut untuk disertai oleh Malaysia. Selain itu, undang-undang di Malaysia diberikan perhatian terutamanya Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang antarabangsa di Malaysia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip perundangan yang sedia ada dalam negara.

ISU KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF

Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
1.	Komitmen Malaysia terhadap baki Instrumen hak asasi manusia antarabangsa utama yang masih belum disertai.	Menilai kesesuaian Malaysia menyertai baki instrumen hak asasi manusia antarabangsa utama yang masih belum disertai.
2.	Komitmen Malaysia terhadap Protokol Pilihan di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.	Meningkatkan perlindungan dan jaminan kebajikan golongan sasaran yang terlibat melalui usaha Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk menyertai Protokol-protokol CEDAW, CRC dan CRPD yang masih belum disertai.
3.	Komitmen Malaysia terhadap Reservasi di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.	Meluaskan tahap kesejahteraan yang lebih baik kepada golongan-golongan yang dilindungi di bawah CEDAW, CRC dan CRPD melalui usaha mengkaji semula reservasi yang dibuat


Bil.	Isu Keutamaan	Objektif untuk Dicapai
		oleh Malaysia di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.
4.	Komitmen Malaysia dalam penggubalan dan semakan undang-undang domestik bagi penguatkuasaan CEDAW.	Memastikan peruntukan CEDAW dapat dikuatkuasakan di Malaysia.
5.	Komitmen Malaysia dalam penghantaran Laporan Negara di bawah CEDAW, CRC dan CRPD.	Memastikan Malaysia menghantar Laporan Negara di bawah CEDAW, CRC dan CRPD mengikut tempoh yang ditetapkan.
6.	Komitmen Malaysia terhadap Instrumen antarabangsa lain yang mempunyai implikasi hak asasi manusia.	Menilai kebolehsertaan Malaysia dalam beberapa instrumen antarabangsa lain yang mempunyai implikasi hak asasi manusia dengan memberi keutamaan kepada <i>Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries Convention, 1989 (No. 169)</i> iaitu undang-undang operasi antarabangsa yang terpenting yang menjamin hak-hak Orang Asal.

PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (*NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN*)



TERAS I

HAK SIVIL DAN POLITIK



PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRAP)

TERAS 1: HAK SIVIL DAN POLITIK

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju			Jangka Masa		
			Pendek	Sederhana	Panjang	Pendek	Sederhana	Panjang
1.	Kebebasan diri Perlindungan diri dalam tahanan di lokap/penjara.	1.1 Pegawai Penyiasat memastikan setiap tahanan mendapat hak-hak di bawah undang-undang.	KDN	✓		✓		
		1.2 Mengadakan bilik siasatan yang berasingan daripada lokap yang dilengkapi dengan CCTV.	KDN	✓				
		1.3 Menyediakan Lokap Berpusat di setiap negeri dan daerah yang dilengkapi CCTV.	KDN			✓	✓	✓
		1.4 Setiap siasatan yang dijalankan mesti dirakamkan dengan CCTV.	KDN			✓	✓	✓
		1.5 Menambah baik SOP Pengurusan Lokap PDRM.	KDN			✓	✓	✓
		1.6 Mengadakan kerjasama antara PDRM dengan Kementerian	KDN	✓		✓	✓	

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
2.	Pemeriksaan Pengurusan Lokap	Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menyediakan mekanisme pemeriksaan perubahan am yang meliputi pemeriksaan luaran dan mental orang tahanan sebelum dimasukkan ke dalam lokap PDRM sebagaimana yang dikehendaki menurut Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953.	KKM			
		1.7 Menambah bilangan pegawai penyiasat dan menambah baik kemudahan pejabat bagi memastikan siasatan ke atas orang tahanan dapat dijalankan dengan segera.	KDN		✓	
		2.1 Memberikan kursus kepada pegawai dan anggota penguat kuasa berkenaan dengan hak asasi manusia yang merangkumi aspek hak asasi tahanan dan tempat tahanan.	KDN	✓	✓	✓
		2.2 Mengaudit dan mengadakan lawatan yang lebih kerap ke	KDN	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
3.	Penambahbaikan garis panduan tahanan reman oleh semua agensi penguat kuasa.	lokap-lokap PDRM, pusat-pusat tahanan Imigresen dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) oleh pihak berkuasa/badan berkanun.				
		3.1 Menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan dengan permohonan reman.	KDN	✓		
		3.2 Menambah baik SOP pengendalian orang tahanan dari tarikh mula kena tangkap.	KDN	✓		
		3.3 Menyediakan garis panduan dan mekanisme untuk memantau dan mengambil tindakan disiplin ke atas anggota yang melanggar mana-mana SOP yang ditetapkan.	KDN	✓	✓	
4.	Hak orang tahanan untuk mendapat penjagaan kesihatan yang konsisten.	4.1 Menambah baik atau mengubah suai lokap-lokap PDRM yang sedia ada dari segi pencahayaan, pengudaraan,	KDN		✓	✓

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		kemasan lantai dan kebersihan lokap dan tandas lokap.				
		4.2 Membangunkan Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan ke atas orang tahanan bagi lokap-lokap yang berpusat dan tidak berpusat.	KKM		✓	✓
		4.3 Menguatkuasakan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 yang menghendaki Pegawai Perubatan memeriksa kesihatan orang tahanan sebelum dimasukkan ke dalam lokap PDRM.	KDN	✓		
		4.4 Menyediakan mekanisme yang efektif bagi orang tahanan membuat aduan rasmi kepada Pegawai Penjaga Lokap tentang apa-apa penyakit atau kecederaan yang dialami oleh orang tahanan supaya rawatan yang sewajarnya dapat diberikan.	KDN	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		4.5 Menyediakan Garis Panduan pemeriksaan kesihatan khusus bagi menangani orang tahanan yang merupakan penagih dadah, ketagihan alkohol, dan kanak-kanak.	KDN KKM	✓	✓	✓
5.	Kajian semula hukuman mati mandatori.	5.1 Mengkaji semula undang-undang jenayah untuk memastikan bahawa hukuman mati mandatori hanya akan dikenakan ke atas jenayah yang paling serius.	AGC	✓		
6.	Meningkatkan kesedaran orang awam terhadap undang-undang pencegahan.	6.1 Menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil Kerajaan dan pembangkang untuk tujuan meningkatkan kesedaran awam tentang undang-undang pencegahan.	JPM	✓		
7.	Hak memperoleh maklumat Sekatan ke atas hak memperoleh maklumat.	7.1 Mengkaji semula Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] bagi mewujudkan keseimbangan antara hak awam dengan keselamatan negara.	CGSO JPM	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa	
				Pendek	Sederhana Panjang
7.2		Mewujudkan peraturan di bawah Akta 88 yang menjelaskan pemakaian undang-undang kerahsiaan (seperti Akta 88) bagi pengendalian maklumat atau dokumen dengan menggariskan tentang:- • jenis maklumat atau dokumen yang tidak boleh dizahirkan oleh pegawai awam dalam menjalankan kewajipannya; • jenis maklumat atau dokumen yang penzahirannya oleh pegawai awam hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu; • hal keadaan di mana apa-apa maklumat atau dokumen yang	CGSO JPM	✓	

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		dikendalikan kebenaran membawa pendakwaan jenayah; dan tanpa boleh kepada hal keadaan di mana apa-apa maklumat atau dokumen yang tanpa dikendalikan kebenaran membawa kepada tindakan tatatertib.				
8.	Hak Sama Rata/Tiada diskriminasi a) Isu ketidakadilan kepada litigan wanita akibat kelewatan proses perceraian dan tuntutan-tuntutan lain di Mahkamah Syariah	8.1	Meneruskan sesi keterlibatan (<i>engagement</i>) dengan NGO pertubuhan wanita dan orang ramai di seluruh negara bagi penggubalan polisi yang tidak menjejaskan hak asasi manusia dan memberikan akses undang-undang kepada masyarakat.	✓	✓	✓
		8.2	Meneruskan kajian tentang punca kelewatan prosiding kes di Mahkamah Syariah dan	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		menyelesaikan punca kelewatan itu.				
		8.3 Memperluas makluman tentang proses prosiding Mahkamah Syariah di media perdana dan media sosial.	JKSM	✓		
		8.4 Memastikan para hakim, pentadbir dan peguam syarie mematuhi KPI yang ditetapkan untuk tugasan masing-masing.	JKSM	✓		
		8.5 Menjadikan JKSM sebagai badan koordinator yang lebih efisien bagi seluruh Mahkamah Syariah khasnya sebagai pusat pengumpulan data daripada Mahkamah Syariah di negeri-negeri dan pelaksanaan KPI.	JKSM	✓		
		8.6 Meneruskan persidangan Ketua Hakim Syarie dan hakim-hakim syarie guna sama dan bukan guna sama semua negeri sekurang-kurangnya 4 kali	JKSM	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		setahun sebagai tempat bertukar maklumat supaya kejayaan polisi di sesetengah Mahkamah Syariah dapat diikuti di Mahkamah yang lain.				
	b) Pengukuhan perpaduan kaum dan agama	8.7 Menubuhkan mekanisme pemantauan atau jawatankuasa khas untuk memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Nasional (PTPN).	JPM JPNIN			✓
9.	Hak untuk mengundi - Isu salah guna tema agama dalam politik - Isu akses yang saksama dan adil kepada media bagi parti politik untuk berkempen sepanjang tempoh pilihan raya. - Isu berpolitik secara bebas iaitu untuk memilih parti politik yang	9.1 Memperkasakan pendidikan pengundi bagi membolehkan rakyat memahami sistem pilihan raya di Malaysia.	SPR		✓	

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju			Jangka Masa		
			Pendek	Sederhana	Panjang			
10.	disokong.							
	Hak untuk mendapatkan keadilan (<i>access to justice</i>) di Mahkamah Syariah.	10.1	Meneruskan kajian sejauh mana masalah yang dihadapi bagi penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah.	JKSM	✓			
	(a) Keberkesanan perintah Mahkamah Syariah.							
	(b) Ketidakeragaman undang-undang berkaitan dengan hal-hal syariah di negeri-negeri.	10.2	Memantau dan meneliti semula peruntukan undang-undang termasuk Arahan Amalan di Mahkamah Syariah.	JKSM JAKIM		✓		
	(c) Kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah termasuk yang berkaitan dengan pelaksanaan perintah.	10.3	Mengkaji dan meneliti semula Arahan Amalan di Mahkamah Syariah supaya penjalanan kes lebih cekap dan cepat.	JKSM		✓		
		10.4	Menetapkan KPI bagi semua kategori kes.	JKSM			✓	

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		10.5 Meneruskan dan menambah baik mekanisme untuk litigan mengemukakan aduan dengan lebih mudah dan berkesan di peringkat nasional, dan diselaraskan dengan jabatan kehakiman di negeri-negeri.	JKSM	✓		
		10.6 Mewujudkan sistem pengurusan media sosial yang lebih berkesan.	JKSM	✓		
		10.7 Meneruskan kajian tentang kaedah-kaedah baharu bagi pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah secara lebih berkesan.	JKSM	✓		
11.	Profesionalisme dan integriti badan penguat kuasa.	11.1 Menambah baik SOP kerja agensi-agensi penguatkuasaan untuk meningkatkan tahap kepercayaan orang awam terhadap integriti institusi berkenaan.	Agensi-agensi penguat kuasa	✓		

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa	
				Pendek	Sederhana Panjang
		11.2 Mengadakan SOP tentang tindakan segera (seperti tindakan disiplin sebagaimana yang disyorkan oleh badan berautoriti seperti EAIC) yang perlu diambil ke atas mana-mana anggota penguat kuasa.	JPM	✓	
12.	Pengampunan banduan	12.1 Mengkaji dan menambah baik SOP serta dokumentasi urusan pengampunan banduan di peringkat Negeri dan Persekutuan.	BHEUU	✓	
13.	Dokumen pengenalan diri di Sabah dan Sarawak	13.1 Menambah kekerapan persidangan/operasi Mahkamah/Mahkamah Bergerak di Sabah supaya kes-kes Pendaftaran Lewat Kelahiran yang tertunggak dapat didengar dan siji lahir lewat dapat diendors/disahkan bagi pengeluaran kad pengenalan. 13.2 Menambah baik dan memantapkan keberkesanan Unit Khas Bergerak (UKB)	PKPMP		✓

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		Jabatan Pendaftaran Negara bagi membolehkan unit ini menjalankan operasi "outreach" dengan lebih kerap dan berjadual ke kawasan pedalaman dan/atau kawasan-kawasan yang terpencil.				
		13.3 Mengintegrasikan perkhidmatan UKB dengan perkhidmatan lain seperti kesihatan, pendidikan dan perundangan (i.e. Mahkamah Sivil dan Syariah).	Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri	✓		
		13.4 Meneruskan pengeluaran dokumen pengenalan diri yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi bagi menyelaraskan pemegang Kad IMM13.	KDN	✓	✓	✓
		13.5 Meningkatkan operasi penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) yang sedia ada di Sabah dengan	MKN	✓	✓	✓

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		koordinasi semua agensi penguat kuasa.				
		13.6 Meningkatkan pelaksanaan kesedaran secara berterusan berhubung dengan pendaftaran kelahiran kepada masyarakat oleh agensi-agensi kerajaan, pemimpin agama, pegawai daerah, klinik kesihatan, badan kampung pemimpin masyarakat dan masyarakat umum di Sabah/Sarawak.	KDN	✓	✓	✓
		13.7 Meningkatkan kesedaran secara berterusan dengan menyebarkan maklumat tentang kepentingan dokumentasi pengenalan diri melalui media, termasuk radio, televisyen dan media sosial dan mengadakan kerjasama dengan NGO.	JPN	✓	✓	✓
		13.8 Mengadakan perbincangan serantau – berhubung dengan isu Golongan Pala'u, pekerja	KDN	✓	✓	✓

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
14.	Isu Keselamatan di Sabah dan Sarawak	Indonesia dan Filipina, dan pelarian Filipina – untuk mewujudkan jalinan kerjasama dalam memahami isu-isu yang berkait dengannya.				
		14.1 Meningkatkan kegiatan risikan dan pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa Filipina untuk mengatasi masalah penculikan di perairan Sabah.	MKN ESSCOM	✓	✓	✓
		14.2 Meningkatkan kerjasama antara penduduk kampung dengan pihak berkuasa untuk mengatasi masalah kebocoran sempadan darat di Sarawak dan mengatasi masalah penculikan di Sabah akibat kewujudan penduduk yang bersubahat dengan penculik.	MKN ESSCOM	✓	✓	✓
		14.3 Meneruskan penubuhan satu pasukan bertugas bersama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina yang boleh menjalankan	MKN ESSCOM	✓	✓	✓

Bil.	Isu Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		rondaan darat, udara dan laut secara bersama.				

TERAS 2

HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN



TERAS 2: HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Pelan Tindakan Hak Ekonomi

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
1.	Hak perniagaan dan kepenggunaan	1.1 Memperkasakan dan meningkatkan inisiatif-inisiatif hak perniagaan dan hak-hak pengguna	MITI KPDNKK	✓	✓	✓
		1.2 Melaksanakan semakan undang-undang berkaitan dengan hak perniagaan dan pelaburan dari semasa ke semasa.	MITI KPDNKK	✓	✓	✓
		1.3 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha bagi memudahkan urusan perniagaan.	KPDNKK MITI	✓	✓	✓
		1.4 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha untuk mewujudkan peluang pelaburan secara saksama.	KPDNKK MITI	✓	✓	✓
		1.5 Meneruskan dan meningkatkan program kebudayaan, latihan dan kemahiran keusahawanan secara menyeluruh.	KPDNKK KPT MITI	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		1.6 Meningkatkan undang-undang berkaitan dengan hak kepenggunaan dengan lebih sistematik dan berkesan.	KPDNKK	✓	✓	✓
		1.7 Mengkaji semula undang-undang berkaitan hak kepenggunaan ke arah penambahbaikan.	KPDNKK		✓	
		1.8 Meningkatkan kesedaran hak kepenggunaan dalam kalangan pengguna.	KPDNKK	✓	✓	✓
2.	Hak bekerja	2.1 Meneruskan dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang perburuhan bagi memastikan hak pekerja dan majikan dilindungi.	KSM KDN	✓	✓	✓
		2.2 Meneruskan dan meningkatkan program kesedaran dan kefahaman serta literasi undang-undang tentang hak kesatuan sekerja.	KSM	✓	✓	✓
		2.3 Melakukan semakan dan kajian pelaksanaan gaji minima bagi	KSM		✓	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		mengelakkan impak negatif kepada hak asasi manusia.				
		2.4 Melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) secara lebih meluas dan komprehensif di seluruh negara.	KSM	✓	✓	✓
		2.5 Meneruskan semakan undang-undang perburuhan secara menyeluruh untuk menambah baik undang-undang perburuhan sedia ada dari semasa ke semasa termasuk melibatkan perlindungan dan hak pekerja asing.	KSM		✓	
		2.6 Meneruskan dan meningkatkan program latihan dan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan.	KSM EPU	✓	✓	✓
3.	Pembasmian kemiskinan dan ketaksamarataan	3.1 Meneruskan dan mempergiatkan usaha-usaha bagi meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 bagi memperbesar saiz isi rumah dalam kelas pendapatan pertengahan.	EPU		✓	

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		3.2 Meneruskan program dan melaksanakan perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi menangani isu kemiskinan mutlak di kawasan bandar, luar bandar, pinggir bandar, khususnya dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan <i>Natives of Sarawak</i> .	EPU KKLW		✓	✓
		3.3 Menangani isu kemiskinan relatif dan kemiskinan pelbagai dimensi dengan memberikan perhatian utama kepada negeri yang memiliki ramai isi rumah dalam kategori miskin dan berpendapatan rendah.	EPU		✓	
		3.4 Menetapkan had kadar keberhutangan isi rumah yang wajar dan perancangan untuk mengurangkan peratusan kadar keberhutangan rakyat Malaysia.	MOF	✓		
4.	Kemudahan asas	4.1 Meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan asas dan telekomunikasi.	KETTHA KKLW	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		4.2 Menyediakan kajian impak pengurangan subsidi tenaga kepada industri dan masyarakat umum dan mengawal kenaikan harga tenaga secara efektif.	KETTA		✓	
		4.3 Meningkatkan kemudahan asas tenaga dan memastikan kualitinya di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.	KKLW KETTA Kerajaan Negeri Sarawak (Sarawak Energy Berhad) Sabah Electricity Sdn. Bhd.	✓	✓	✓
		4.4 Meneruskan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan, kemudahan asas dan telekomunikasi terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar.	KKMM	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
5.	Keperluan asas	5.1 Meneruskan pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar perumahan yang mampu dengan mengambil kira aspek keperluan penyediaan perumahan mampu milik.	KPKT	✓	✓	✓
		5.2 Meneruskan dan meningkatkan akses kepada perumahan (pemilikan/sewa) dalam kalangan isirumah berpendapatan rendah dan sederhana berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan.	EPU KPKT	✓	✓	✓
		5.3 Meningkatkan inisiatif dan kerjasama dengan sektor awam dan swasta bagi menyediakan rumah mampu milik.	EPU KPKT		✓	✓
6.	TPPA dan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa	6.1 Menyediakan kajian impak Perjanjian Perdagangan Antarabangsa kepada hak asasi manusia di Malaysia dari semasa ke semasa.	MITI	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		6.2 Meningkatkan ketelusan Kerajaan dan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa negara.	MITI	✓	✓	✓

Pelan Tindakan Hak Sosial

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
7.	Hak pendidikan	7.1 Meneruskan agenda untuk memastikan “ <i>universal enrolment</i> ” murid di peringkat menengah atas.	KPM		✓	✓
		7.2 Meneruskan dan meningkatkan pelaksanaan strategi dan usaha bagi memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada sistem pendidikan.	KPM		✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		7.3 Meneruskan usaha-usaha untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, fasiliti dan suasana pembelajaran yang kondusif secara menyeluruh.	KPM KKRM		✓	✓
		7.4 Meneruskan pelaksanaan program dan memperuntukkan dana berasaskan keperluan dalam aspek merapatkan hubungan antara sekolah kerajaan dengan Sekolah Agama Rakyat.	JAKIM MAIN	✓	✓	✓
		7.5 Meneruskan dan meningkatkan latihan dan sokongan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat.	JAKIM MAIN KPM	✓	✓	✓
		7.6 Meningkatkan akses terhadap pendidikan tinggi.	KPT EPU	✓	✓	✓
8.	Hak kesihatan	8.1 Meningkatkan kerjasama awam dan swasta bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan.	KKM	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		8.2 Meneruskan usaha-usaha bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan yang sedia ada selaras dengan Bidang Fokus A-Mencapai Akses Sejagat kepada Penjagaan Kesihatan Berkualiti dalam Teras Strategik 2, Rancangan Malaysia Kesebelas: i) Mengkaji tahap kesesakan hospital-hospital dan klinik kesihatan Kerajaan yang sedia ada; ii) Menambah bilangan hospital atau klinik kesihatan baharu di kawasan yang berpendudukan padat; iii) Tempoh masa menunggu pesakit yang wajar; iv) Tempoh masa janji temu yang wajar dan sesuai bagi pesakit menerima rawatan susulan.	KKM	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		8.3 Meneruskan usaha-usaha bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil terutamanya di kawasan-kawasan Orang Asli dan Orang Asal dan di Sabah dan Sarawak termasuk peluasan perkhidmatan kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah agar akses penduduk terhadap kesihatan dapat dipertingkatkan.	KKM	✓	✓	✓
		8.4 Menambah dan menaik taraf klinik kesihatan bagi rawatan dan penjagaan kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak.	KKM		✓	✓
		8.5 Meneruskan perkhidmatan pasukan kesihatan bergerak "mobile health services" termasuk "flying doctor services" di kawasan pedalaman untuk mengurangkan masalah ketidakmampuan rakyat mendapatkan khidmat kesihatan di mana bilangan pasukan kesihatan	KKM		✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		bergerak tertakluk kepada keperluan perkhidmatan di kawasan operasi.				
8.6		Menambah baik perkhidmatan rawatan kemalangan dan kecemasan dengan menjalin kerjasama bersama agensi-agensi untuk mengoptimalkan penggunaan sumber serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan kesihatan.	KKM	✓	✓	✓
8.7		Meningkatkan nisbah seorang doktor dan penduduk selari dengan sasaran untuk mencapai nisbah 1:400 menjelang tahun 2020 dengan memperkasakan konsep doktor keluarga di klinik kesihatan.	KKM		✓	✓
8.8		Meningkatkan liputan kumpulan berisiko yang mengetahui status jangkitan HIV dengan meluaskan akses terhadap ujian HIV di fasiliti kesihatan Kerajaan dan <i>community-based testing</i> .	KKM	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
		8.9 Meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha untuk mengakhiri AIDS selaras dengan <i>National Strategic Plan on Ending AIDS 2016-2030</i> .	KKM	✓	✓	✓
		8.10 Meneruskan dan melaksanakan strategi untuk mencegah HIV/AIDS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain dengan kerjasama NGO dan komuniti setempat seperti yang dirancang dalam Pelan Strategik KKM 2016-2020.	KKM	✓	✓	✓
		8.11 Meneruskan dana khas Kerajaan dan memberikan sokongan kepada program-program NGO dan komuniti yang menguruskan usaha-usaha pencegahan dan sokongan bagi menangani HIV/AIDS serta penyakit berjangkit yang lain termasuk kempen kebersihan diri dan persekitaran sebagai pencegahan kepada wabak penyakit.	KKM	✓	✓	✓

Bil.	Keutamaan	Tindakan	Agensi Peneraju	Jangka Masa		
				Pendek	Sederhana	Panjang
